

11/07/2001

Kerajaan kaji kurang cukai korporat

Kadir Dikoh; Saidon Idris

PUTRAJAYA, Selasa - Belanjawan 2002 yang dijangka dibentangkan kerajaan Oktober ini akan memberi insentif bagi menggalakkan syarikat tempatan meningkatkan pelaburan, termasuk menimbangkan pengurangan kadar cukai korporat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu adalah selaras matlamat kerajaan menjadikan pelaburan domestik sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara bagi menampung penurunan kemasukan jumlah pelaburan langsung asing (FDI).

"Ada insentif untuk itu, secara umum kepada pelaburan domestik," kata Perdana Menteri ketika ditanya sama ada kerajaan akan menimbang memberikan insentif bagi meningkatkan lagi kadar pertumbuhan pelaburan domestik.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas mempengerusikan sesi pertama Dialog Belanjawan 2002, di sini hari ini.

Cukai korporat kini ialah pada kadar 28 peratus. Bagaimanapun, kadar cukai korporat di Malaysia masih antara yang terendah di rantau ini. Kadar cukai korporat di Jepun adalah yang tertinggi iaitu 37.5 peratus, manakala Korea Selatan dan Hong Kong masing-masing hanya mengenakan cukai korporat 17.6 dan 16 peratus.

Di Asia Tenggara pula, hanya Singapura dan Vietnam mempunyai kadar yang lebih rendah daripada Malaysia. Ini bermakna secara relatif, Malaysia masih menawarkan iklim percukaian yang baik untuk menarik lebih ramai pelabur.

Mengenai sama ada insentif itu turut meliputi pemotongan dalam cukai korporat, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang mengkajinya.

"Kita perlu melihat kesannya (pengurangan cukai korporat) kepada pendapatan dan keperluan perbelanjaan kerajaan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan bahawa kerajaan akan menimbang memberikan potongan kepada jenis cukai yang mana jika dikurangkan mampu meningkatkan lagi kegiatan perniagaan.

Beliau berkata, ini kerana kerajaan tidak akan melaksanakan pemotongan cukai dengan sewenang-wenangnya tanpa terlebih dulu mengkaji pulangnya.

"Ada cukai yang bila kita kurangkan akan mengembangkan perniagaan, yang itu kita akan timbang.

"Tetapi kalau kita turun cukai begitu saja dengan tidak ada pulangan daripada sudut lain, kerajaan akan kekurangan peruntukan dan kita akan mengalami defisit belanjawan yang lebih besar," katanya.

Dr Mahathir turut menegaskan bahawa kerajaan akan memberi perhatian terhadap kesukaran syarikat mendapatkan pembiayaan daripada bank.

Mengulas saranan meminta kerajaan supaya berhati-hati dalam pendekatan dan strategi meluluskan pelaburan syarikat tempatan di luar negara bagi mengelak pengaliran keluar dana, Perdana Menteri berkata, kerajaan sememangnya sentiasa berhati-hati dan tidak memberikan kelulusan dengan begitu mudah.

"Kita berharap akan ada dividen daripada mereka (pelaburan luar negara itu) kemudian," katanya.

(END)